

**TITAH UCAPAN RAJA PUAN MUDA PERLIS**  
**DYTM TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL,**  
**MERANGKAP TUANKU PRO CANSELOR                   UNIVERSITI MALAYSIA**  
**PERLIS (UniMAP)**  
**SEMPENA SIDANG KEDUA, ISTIADAT KONVOKESYEN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) KALI KE-13 BERTEMPAT DI**  
**DEWAN ILMU, UniMAP, PAUH PUTRA**  
**PADA 27 OKTOBER 2018, JAM 2.45 PETANG**

---

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*"Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju"*  
serta - *"Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP"*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya juga, maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, tahniah diucapkan kepada semua graduan kerana berjaya menamatkan pengajian dan anda semua diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima Ijazah masing-masing.

Setinggi tahniah juga diucapkan kepada para ibu bapa, waris, penjaga dan seisi keluarga yang telah memberi sepenuh dorongan dan perhatian kepada semua graduan dalam memastikan kejayaan mereka pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Transformasi atau perubahan merupakan satu aturan dalam hidup dan merupakan perkara yang amat penting apabila kita ingin mencapai sesuatu kemajuan dan kecemerlangan. Secara ringkasnya transformasi merupakan satu penghijrahan atau peralihan iaitu melakukan perubahan daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik.

Kita tidak berupaya menghentikan perubahan tersebut, tetapi apa yang dapat kita lakukan adalah bagaimana mengendalikan dan mempersiapkan diri kita sebelum sesuatu transformasi atau perubahan itu terjadi agar tidak berdepan dengan kegagalan. Atas dasar itu jugalah, Saya ingin menyeru para graduan agar belajar daripada 'kegagalan' beberapa syarikat ternama di dunia.

**Yang Pertama** - *Motorola* yang dikenali sebagai peneraju telefon selular, telah ketinggalan dalam anjakan kepada digital dan disingkir oleh *Nokia* yang pada asalnya hanya mengeluarkan tayar salji dan but getah 10 tahun sebelum mereka menguasai dunia selular tanpa wayar. Namun, *Nokia* juga telah berdepan kegagalan apabila terlewat beralih ke dunia telefon pintar.

**Yang Kedua** – *International Business Machine Corporation (IBM)*, merupakan 'raja' dalam dunia pengkomputeran, terlepas sepenuhnya revolusi komputer peribadi dan diatasi oleh beberapa syarikat permulaan yang kecil seperti *Microsoft* dan *Dell*, serta

**Yang Ketiga** - *Xerox* telah mencipta mesin fotokopi tetapi *Canon* mengangkatnya ke peringkat yang baharu dengan menghasilkan mesin fotokopi berwarna, manakala, selama bertahun-tahun *Ford* dan *General Motors* menguasai kepimpinan automobil dunia tetapi terus kecundang apabila pengeluar dari Jepun tiba dengan kereta bermutu tinggi yang ekonomi.

Secara ringkasnya, kegagalan akan terjadi apabila kita terlalu mengamalkan dasar 'tertutup' dan hanya memfokuskan kepada isu 'dalam' semata-mata. Justeru apabila berlakunya sebarang perubahan, kita akan ketinggalan. Demikianlah halnya dengan para graduan, lihatlah dunia ini dari 'kaca mata seekor burung' yang bersifat luas dan terbuka dan janganlah menjadi seperti "katak di bawah tempurung" – hanya hidup dalam dunia sendiri.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, terima kasih kepada Pengurus serta Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor dan seluruh warga UniMAP serta semua pihak yang menjayakan Istiadat Konvokesyen ini.

Saya dan Tuanku Canselor berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala memberkati majlis ini dan melindungi perjalanan para tetamu, ibu bapa, waris, penjaga dan graduan sekalian ketika pulang ke destinasi asal masing-masing, InsyaAllah.

*Dayung perahu menuju haluan,  
Perahu berisi muatan barang,  
Di tangan graduan terletak harapan,  
Membawa nusa ke mercu gemilang.*

*Mangga muda dibuat kerabu,  
Dicampur pula santan kelapa,  
Keringat si bapa kasih si ibu,  
Jangan graduan mudah terlupa.*

Dengan ini, Saya menangguhkan 'Sidang Kedua Bagi Istiadat Konvokesyen Ke-13 UniMAP, Tahun 2018'.

Wabilahitaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.